



Pengawal kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan di sebuah pasar raya di Johor Bahru kelmarin.

Bekalan barang keperluan mencukupi

JOHOR BAHRU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengesahkan bekalan barang keperluan asas di sekitar bandar raya itu masih mencukupi dan mudah diperoleh.

Pengarah KPDNHEP Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, perkara itu dinyatakan menerusi pemeriksaan bekalan dijalankan susulan tular dakwaan warga Singapura berbelanja besar di sini ekoran amaran Kedudukan Sistem Tindak Balas Perebakan Penyakit (DORSCON) yang telah diisytiharkan di negara

mereka baru-baru ini.

Katanya, pemeriksaan berkenaan adalah melibatkan sejumlah 1,124 premis merangkumi premis di kawasan bandar dan juga luar bandar.

“Kita telah mengambil inisiatif dan tindakan dengan membuat periksaan kedudukan bekalan barang keperluan di sekitar Johor Bahru, Iskandar Puteri, Pasir Gudang dan Kulai mulai Sabtu lalu sehingga kini.

“Hasilnya kita dapatkan bekalan barang keperluan seperti makanan dan keperluan asas adalah mencukupi dan mudah diperoleh. Kemen-

terian juga akan memastikan bekalan keperluan tidak terputus dan dijual pada harga berpatutan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Hairul Anuar berkata, seramai 60 pegawai pengawal kuasa telah terlibat secara khusus bagi pemeriksaan itu dan sasaran adalah ke atas lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan warga Singapura berbelanja.

“Pemeriksaan ini juga bagi memastikan bekalan barang-barang kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung dijual pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan,” katanya.

HARI .. .
TARIKH
M/SURAT

RABU
12/2/2020
34